



Siaran Akhbar

HINA ISLAM, NABI MUHAMMAD SAW DAN ISTERI: DUA INDIVIDU DISOAL-SIASAT

- **Serbuan dibuat di dua lokasi iaitu di Semporna, Sabah dan Kajang, Selangor**
- **Kesalahan-kesalahan yang dilakukan meliputi perbuatan memuat naik kandungan jelik dan menghina terhadap Nabi Muhammad SAW dan isteri baginda serta kesucian agama Islam**

CYBERJAYA, 30 April 2019 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) baru-baru ini telah menyoal-siasat dua orang individu yang menggunakan laman Facebook mereka untuk menghina Nabi Muhammad SAW dan isteri baginda, Aisyah RA serta kesucian agama Islam di negara ini.

Menurut Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Siasatan MCMC, Dato' Mohd Shafie Harun, siasatan dijalankan susulan laporan yang diterima MCMC daripada orang ramai supaya tindakan segera diambil terhadap pihak yang berkenaan.

Ujarnya, kedua-dua individu berkenaan telah dirakamkan percakapan mereka dalam satu serbuan serentak yang dikendalikan dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Semporna, Sabah dan Kajang, Selangor.

Dato' Shafie menambah, kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua suspek menjurus kepada perbuatan memuat naik kandungan-kandungan bersifat jelik dan menghina dengan niat untuk mengganggu dan menyakitkan hati orang lain.

“Dalam kes pertama membabitkan pengguna akaun Facebook bernama ‘Auni Zaara’, suspek memuat naik mesej yang menghina Nabi Muhammad dan isteri baginda. Manakala dalam kes kedua pula membabitkan pengguna akaun Facebook ‘Fadhillah Abdulhamid’, suspek memuat naik kandungan bersifat jelik terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad dengan kata-kata yang cukup menghina.

Dalam serbuan tersebut, 2 telefon bimbit, 3 kad SIM dan 1 kad memori telah dirampas untuk siasatan lanjut,” tambah beliau.

Kes-kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu, Dato’ Shafie menegaskan, pihaknya tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang didapati menyalahgunakan laman media sosial untuk menyebarkan hantaran atau mesej berbau penghinaan yang boleh mengundang kemarahan orang awam.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Nurhalili Nadia Mustapha Kamal
Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat

Markus Lim Han King
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1000 E-mel: scd@mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



SKMM_MCMC



MCMCTV